

PM: Bangunkan sistem ladang bersepadu

UM 25 APR 2000

KUALA LUMPUR 24 April — Malaysia perlu membangunkan sistem ladang bersepadu dan tanaman secara bergilir jika ingin mencapai wawasan terbaru menjadikan negara antara pengeluar makanan terkemuka dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dengan mengamalkan kedua-dua sistem pertanian berkenaan, negara berpotensi meningkatkan pengeluaran makanan untuk keperluan tempatan dan juga eksport.

Dr. Mahathir terkilan kerana kebanyakan pengusaha yang terlibat dalam sektor pertanian enggan mengambil risiko mencuba sistem tersebut sebaliknya terlalu terikat dengan

dua jenis tanaman iaitu getah dan kelapa sawit.

Beliau berpendapat sudah sampai masanya bagi pelbagai pihak yang terlibat dalam sektor itu, khususnya syarikat-syarikat swasta, mencuba sistem baru itu kerana ia terbukti berjaya menampilkan negara-negara Eropah sebagai pengeluar makanan terkemuka dunia.

“Buat masa ini Malaysia tidak menjalankan sistem tanaman secara bergilir sebaliknya sesebuah ladang hanya menumpukan kepada satu jenis tanaman tertentu terutama getah dan kelapa sawit.

“Saya khuatir sekiranya kita hanya menumpukan kepada kedua-dua jenis tanaman itu

umpamanya terus menanam semula getah dan kelapa sawit, Malaysia mungkin menghadapi masalah lebih bekalan berkenaan pada masa depan,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan utama bertajuk **Wawasan Baru Pertanian pada Seminar Peluang Pelaburan Dalam Sektor Pertanian** di Sungai Besi di sini hari ini.

“Malaysia tidak mempunyai cukup kemahiran dalam mengendalikan ladang bersepadu atau yang seumpamanya, kita perlu mempelajarinya,” kata beliau

Beliau sendiri telah dimaklumkan bahawa universiti tem-

■ Lihat muka 4

PM: Bangunkan sistem ladang bersepadu

UM 25 APR 2000

patan akan memulakan pengajaran kursus berkaitan bagi melahirkan mereka yang berkemahiran di bidang berkenaan.

Menurut Perdana Menteri, memandangkan industri pertanian kini merupakan wawasan baru negara, kerajaan komited menjayakan hasrat menjadi negara pengeluar hasil pertanian.

Dalam hal ini katanya, syarikat-syarikat swasta terlibat pula perlu mengambil inisiatif mengkomersialkan hasil penemuan pertanian oleh pertubuhan seperti Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian (MARDI).

Perdana Menteri mengulangi pentingnya faktor-faktor seperti pembungkusan dan penggredan dibuat secara teratur sebagai nilai tambah untuk memasarkan sesuatu keluaran.

“Agak malangnya di negara ini kita tidak begitu memeningkan soal penggredan sebagai cara pemasaran.

“Di pasar raya, buah-buahan tempatan dilonggokkan dalam bakul sedangkan buah-buahan import dibungkus rapi dan dijual mengikut grednya,” kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berpendapat faktor-faktor tersebut perlu diberi perhatian sekiranya Malaysia benar-benar serius ingin mengeksport keluaran makanan.

Sebelum itu Dr. Mahathir menggariskan beberapa bidang pertanian seperti penternakan ikan air tawar dan ikan laut yang masih belum dieksploitasi sepenuhnya di negara ini.

Menurutnya, Malaysia mempunyai beberapa lagun di Pantai Timur khususnya di Terengganu yang sesuai untuk dibangunkan bagi tujuan itu.

Kata beliau, Kementerian Pertanian dengan kerjasama kerajaan negeri kini sedang menjalankan percubaan secara serius untuk membangunkan pusat ternakan air di situ.